

24 NOV 1997

Dewan - Usul (P.Pinang)

DUN PULAU PINANG LULUS USUL SOKONG PERDANA MENTERI

PULAU PINANG, 24 Nov (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang hari ini meluluskan dengan sebulat suara usul menyokong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menghadapi cabaran dari luar dan menangani krisis ekonomi yang melanda negara.

Usul itu dibentangkan oleh Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan disokong oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar.

Tujuh anggota dewan mengambil bahagian membahaskannya termasuk wakil tunggal DAP, Puan Chong Eng, yang hanya menyokong sebahagian sahaja daripada usul yang mengandungi lima ketetapan itu.

Lima ketetapan dalam usul itu ialah:

* Memberi keyakinan penuh dan sokongan padu kepada kepimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan pucuk pimpinan negara dalam usaha menangani segala cabaran ekonomi masa kini dan memerangi segala serangan terhadap kedaulatan dan kepimpinan negara.

* Menegak dan terus memajukan prinsip demokrasi dan musyawarah serta amalan muhibbah di kalangan masyarakat majmuk Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka.

* Membantah dengan sekeras-kerasnya sebarang percubaan campurtangan dalam hal ehwal negara oleh beberapa anggota Kongres Amerika Syarikat yang melanggar hak rakyat menentukan kepimpinan melalui proses demokrasi.

* Berusaha terus meningkatkan hubungan baik dua hala antara rakyat Malaysia di Pulau Pinang dengan rakyat semua negara asing, termasuk Amerika Syarikat dalam usaha memajukan pelbagai bidang ekonomi, sosial, budaya dan pendidikan.

* Menyeru semua rakyat Pulau Pinang bersatu padu untuk bersama-sama dengan pucuk pimpinan negara supaya menjamin keamanan dan kestabilan, meningkatkan produktiviti ekonomi dan kualiti hidup serta mengamalkan nilai-nilai murni agama dan tradisi.

Chong Eng berkata, pendirian DAP amat jelas dalam isu yang dikemukakan melalui usul itu dan hanya menyokong perkara yang berkaitan dengan bantahan atau penentangan campur tangan asing terhadap hal ehwal dalam negara.

Katanya, usul Ketua Menteri itu telah mencampur adukkan pelbagai perkara yang bermotif mendapatkan sokongan politik kepada kerajaan Barisan Nasional dan seharusnya diasingkan melalui usul lain berhubung sokongan kepada parti.

Ketika Speaker, Datuk Yahaya Abdul Hamid mengendalikan pengundian mengenai sokongan terhadap usul itu, Chong Eng keluar dari Dewan.

Koh ketika membentangkan usul itu berkata, rakyat perlu bersatu padu dan memberikan sokongan sepenuhnya kepada Dr Mahathir kerana kecemerlangan kepimpinan beliau dalam tempoh lebih 16 tahun lalu dapat membawa negara dan rakyat ke arah kemajuan.

Katanya, Perdana Menteri banyak mengemukakan idea baru dalam pentadbirannya seperti konsep persyarikatan Malaysia, dasar pandang ke timur, dan bersih cekap dan amanah.

Beliau berkata, dalam bidang ekonomi, Dr Mahathir bersama-sama pucuk pimpinan negara telah berjaya membangunkan negara ke arah perindustrian dan permodenan dan rakyat boleh berbangga kerana Malaysia berjaya mengeluarkan pelbagai barangan elektrik dan elektronik serta kenderaan nasional.

"Dr Mahathir juga menjadikan Malaysia negara membangun pertama yang melancar dan memajukan konsep Koridor Raya Multimedia dan berusaha menjalin hubungan rapat melalui konsep "kerakanan bijaksana" atau smart partnership

dengan negara-negara selatan," katanya.

Koh berkata, usul ini tidak sama sekali bertujuan menentang rakyat Amerika Syarikat (AS) dan kerajaan negeri telah, sedang dan akan terus menyambut baik pelabur dan pelancong dari negara berkenaan dan negara lain ke negeri ini.

Syarikat-syarikat multinasional dari AS dan negara lain telah berada selama 25 tahun di sini untuk memajukan sektor ekonomi negeri dan dua buah syarikat AS baru-baru ini mengumumkan pelaburan tambahan yang amat besar, katanya. -- Bernama

ZU oba